

► 6th Follow Up Training Course on Nuclear and Radiological Emergency Preparedness (1/4)

(Norhayati Binti Abdullah)

Agensi Nuklear Malaysia dengan kerjasama Japan Atomic Energy Agency (JAEA) telah menganjurkan 6th Follow Up Training Course on Nuclear and Radiological Emergency Preparedness (6th FTC NREP) pada 19 Februari hingga 2 Mac 2018. Objektif kursus ini ialah untuk mengukuhkan kesiapsiagaan organisasi-organisasi kerajaan yang terlibat dalam menghadapi kemalangan dan kecemasan nuklear dan radiologi. Seramai 20 orang peserta daripada Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), Agensi Pengurusan Bencana Negara, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Hospital Umum Sarawak, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) telah menyertai kursus ini.

MARPA turut memberi sokongan dengan memberi sumbangan berbentuk logistik dalam menjayakan kursus ini.



Para peserta bersama Dr. Wan Saffiey bin Wan Abdullah, Pengarah Kanan, Program Pengurusan Agensi Nuklear Malaysia (lima dari kiri), Mr. Makoto Sawada (empat dari kiri) dan tenaga pengajar daripada Agensi Nuklear Malaysia.

► 6th Follow Up Training Course on Nuclear and Radiological Emergency Preparedness (2/4)

Tenaga pengajar kursus ini terdiri daripada 8 pegawai Nuklear Malaysia dan 2 pegawai LPTA yang telah mengikuti Instructor Training Course on NREP di JAEA dan tiga pakar daripada JAEA iaitu Mr. Makoto Sawada, Dr. Akihide Hidaka dan Mr. Shinichiro Torata. Dua orang peserta 5th FTC NREP iaitu Dr. Suhainizam Muhamad Saliluddin daripada Universiti Putra Malaysia dan En. Mohd Fahmi bin Badulrudin daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia turut dijemput untuk menyampaikan ceramah bertajuk *Case study and Lesson Learned: Radiological & Nuclear Emergency in Malaysia*.



► 6th Follow Up Training Course on Nuclear and Radiological Emergency Preparedness (3/4)

Kursus ini disampaikan secara ceramah dan latihan amali merangkumi topik-topik seperti pengenalan kepada fizik sinaran & dosimetri, kesan biologi sinaran kepada manusia, prinsip-prinsip perlindungan sinaran, peralatan & pemantauan radiologi, penilaian dos dalaman, pemantauan cecair & teknik nyahcemaran, persampelan persekitaran semasa kecemasan radiologi & nuklear dan latihan amali kesiapsiagaan & tindakbalas kecemasan radiologi & nuklear.

Selain itu, para peserta telah dibawa melawat ke Makmal Dosimetri Standard Sekunder, Makmal Pembilang Seluruh Tubuh, Makmal Radiokimia & Alam Sekitar dan reaktor TRIGA PUSPATI bagi memantapkan lagi pemahaman dalam bidang ini.

Silibus kursus ini yang komprehensif telah melayakkannya mendapat 39 mata CEP (Continuous Education Programme) daripada LPTA.



Latihan persampelan tanah, air, dedaun dan udara semasa kecemasan radiologi & nuklear di Paya Indah Wetland, Dengkil, Selangor.

► 6th Follow Up Training Course on Nuclear and Radiological Emergency Preparedness (4/4)

Latih amal kesiapsiagaan & tindakbalas kecemasan radiologi & nuklear melibatkan senario kemalangan pengangkutan bahan radioaktif terkedap dan tak terkedap di tempat awam.

